

## **FALSAFAH PENDIDIKAN AL-HIKMAH DALAM PEMBENTUKAN KARAKTER**

**Hasri Harun**

**Institut Maqasid Syariah (INSMAQ)**

**Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Selangor (UNISEL)**

### **Abstract**

Al-Hikmah education is a brand of idea and philosophy of education centered on values inspired by the wise message of Luqman al-Hakim revealed in verses 12-19 of Surah Luqman. It was initiated by Dato' Dr Siddiq Fadhil around the year 2000. This reminder by Luqman al-Hakim describes the major outlines of the Rabbani education for children where the process combines the components of Aqedah, Shariah and Morals. Al-Hikmah education is also an integrated educational philosophy with the aim of producing civilized people with a strong identity and good character. The implementation of al-Hikmah Education is a result in the realization of Value-based Character Education from an Islamic perspective. This article aims to explore the objectives and importance of the al-Hikmah philosophy of education and discusses the strengths that can be applied in the implementation of education. This study applies a qualitative approach by referring to studies from books and past written materials as well as making comparisons with practices in the current education system. From this study, it will produce ideas and approaches that can be implemented based on the message of Luqman al-Hakim in instilling aesthetic values as the basis of character formation which includes attitudes, feelings and behavior holistically.

*Keyword : Hikmah education, character development, islamic values, Luqman al-hakim*

## **Abstrak**

Pendidikan al-Hikmah adalah satu penjenamaan idea dan falsafah pendidikan yang berpaksikan nilai-nilai yang diilhamkan daripada pesan bijaksana Luqman al-Hakim yang terungkap dalam ayat 12-19 surah Luqman. Ianya dicetuskan oleh Dato' Dr Siddiq Fadhil sekitar tahun 2000. Pesanan Luqman al-Hakim ini mengungkap garis-garis besar pendidikan Rabbani kepada anak-anak dimana prosesnya menggabungkan komponen aqidah, syariah dan akhlak. Pendidikan al-Hikmah juga adalah satu falsafah pendidikan bersepadu bermatlamat melahirkan insan yang beradab, mempunyai jatidiri yang kuat serta melahirkan insan yang mempunyai watak atau karekter yang baik. Pelaksanaan Pendidikan al-Hikmah ini merupakan satu natijah dalam merealisasikan Pendidikan Karekter berasaskan Nilai dari perspektif Islam. Artikel ini bertujuan meneroka objektif dan kepentingan falsafah pendidikan al-hikmah ini dan melihat kekuatan yang boleh diterapkan dalam pelaksanaan pendidikan . Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan merujuk kepada kajian-kajian daripada buku dan bahan-bahan bertulis lalu serta membuat perbandingan dengan praktis dalam sistem pendidikan semasa. Daripada kajian ini akan menghasilkan idea-idea dan pendekatan yang boleh dilaksanakan berdasarkan pesan Luqman al-Hakim dalam menyemai nilai estetika sebagai asas pembentukan karakter meliputi sikap, perasaan, tingkahlaku secara holistik.

Kata kunci: Pendidikan al-Hikmah, Pembinaan Karekter, Nilai-nilai Islam, Luqman alhakim

## **Pendahuluan**

Pendidikan adalah suatu unsur penting untuk membangun insan membentuk jati diri ke arah pembentukan kesan positif dalam masyarakat. Melalui pendidikan ia berperanan sebagai satu proses utama mencorak minda dan sikap demi menghasilkan natijah yang berkesan untuk memartabatkan kualiti diri dalam masyarakat. Menurut Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009) bahawa pendidikan secara umumnya ialah proses membantu perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab. Pendidikan sebenarnya kita secara langsung atau secara tidak langsung membicarakan soal perubahan sekali gus membicarakan agenda pembinaan akhlak dan seluruh kelompok yang termasuk dalam kerangka pendidikan itu. Perkataan pendidikan berasal dari kata didik yang membawa maksud jaga dan pelihara. Menurut Abdullah Ishak (1995) pendidikan adalah cantuman daripada e'x dan *ducededuc* bererti 'memimpin' yang dapat diinterpretasikan sebagai mengumpul maklumat ke dalam diri bagi membentuk bakat. Matlamat pendidikan akhirnya memelihara dan memancarkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat.

Pendidikan menurut kerangka Islam pula merupakan satu pelajaran atau pendidikan bagi kognitif, fizikal dan roh untuk melahirkan insan yang berperikemanusiaan. (Zakaria et.al (2012). Ini bermakna pendidikan yang benar-benar berasaskan Islam adalah menghasilkan insan yang berwatak, bersikap dan dapat membentuk jati diri dan bukan hanya menghafal sesuatu maklumat dalam diri. Prof Dr Yusof al-Qaradawi menterjemahkan pendidikan Islam sebagai pendidikan manusia, akal dan hati ruhani dan jasmani akhlak dan keterampilan. Pendidikan Islam adalah sebuah pendidikan yang holistik mencakupi aspek pembinaan akal, ruh dan jasad yang akhirnya melalui pendidikan Islam ia merangkumi proses tarbiyyah, ta'lim dan ta'dib.

Justeru tulisan ini akan membincangkan konsep Pendidikan Al-Hikmah yang berteraskan kepada nilai-nilai keislaman yang tertuang dalam Al-Quran melalui pesan-pesan ilahi serta menilai impaknya dalam pembentukan karekter (watak) yang sebenarnya disamping meninjau kepentingan pembinaan watak dan sahsiah melalui proses pembelajaran dan pendidikan yang menjadi asas kepada pembinaan diri dan watak kemanusiaan.

## **Metod Kajian**

Untuk mengetahui dan memahami falsafah pendidikan al-hikmah dan kepentingannya dalam pembentukan karekter, kajian ini memilih kajian deskriptif sebagai reka bentuk kajian. Data yang dikumpul adalah data sekunder yang diperolehi daripada analisis dokumen. Analisis dokumen ini dilakukan dengan merujuk kepada bahan-bahan seperti buku, jurnal dan bahan internet, makalah seminar serta laporan penyelidikan. Analisis dokumen ini merujuk kepada satu proses sistematik yang memerlukan pembacaan dan perhatian kepada setiap perkataan dan kata-kata (Earl, 2008). Untuk mengetahui dan

memahami elemen penting pendidikan al-hikmah dalam pembentukan karakter, kajian menganalisis data dengan menggunakan pendekatan analisis tematik.

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Kajian ini membincangkan elemen dan falsafah pendidikan al-hikmah sebagai asas penting pendidikan Islam yang menentukan teras pembentukan karakter manusia. Kajian ini membahaskan konsep dan falsafah pendidikan al-hikmah, teras dan nilai pembentukannya serta model pembentukan pendidikan al-hikmah yang memandu kepada kejayaan pembentukan karakter manusia.

### **Falsafah Pendidikan al-Hikmah**

Menurut Al-Farabi (870-950M), falsafah bermaksud: “ *ilmu pengetahuan tentang alam yang wujud dan bertujuan menyelidik hakikatnya yang sebenarnya*”. Manakala Titus (1959: 8-9) makna falsafah iaitu sikap tentang hidup dan alam semesta, satu kaedah pemikiran reflektif dan penyelidikan akhlah, satu peringkat (memahami) masalah dan satu peringkat teori atau sistem fikiran dalam usaha mencari kebenaran. Begitu juga Ibn Rusyd (1126-1198) makna falsafah ialah penyelidikan tentang alam wujud dan memandangnya sebagai jalan untuk menemui Maha Pencipta segala ciptaan.

Falsafah Pendidikan al-Hikmah adalah seperti berikut :

*“ Pendidikan Islam adalah proses pembinaan dan penyempurnaan insan mukmin yang berilmu, berhikmah, berketerampilan, beriltizam dengan nilai kesalihan dan setia melaksanakan tanggungjawab pengabdian serta kebaktiannya sebagai hamba Allah dan khalifahNya. Berpandukan petunjuk wahyu dan berlandaskan aqidah Islamiyah yang berteraskan Tauhid, usaha ini bermatlamat membentuk peribadi Rabbani yang terpadu, seimbang dan murni demi mencari keredhaan Allah ”*

Falsafah Pendidikan al-Hikmah adalah suatu terjemahan konsep dan falsafah pendidikan Islam yang berpaksikan kepada penyemaian nilai-nilai akhlak, keimanan, keterampilan diri yang membawa kepada pembentukan jiwa insan Rabbani. Sumber dan paksi kepada falsafah ini adalah pendidikan yang diungkap oleh Allah melalui kisah Luqman al-Hakim dalam al-Quran melalui surah Luqman ayat 12-19.

### **Definisi Pendidikan A-Hikmah**

Hikmah dari segi makna bahasa adalah kebijaksanaan. Definisi al-Hikmah menurut Alusi (2001) adalah meletakkan sesuatu pada tempatnya atau pemahaman terhadap agama baik yang bersumber kepada kitab Quran dan hadis. Manakala Ibn Asyur (t.th) berpendapat bahawa hikmah adalah penyempurnaan ilmu pengetahuan dan pengamalan sesuai dengan ilmu yang dimiliki. Manakala menurut Ibn Rajab (t.th) hikmah


bermaksud segala yang menghalang dari kebodohan dan kejelekan. Istilah hikmah dalam bahasa inggeris diterjemah sebagai wisdom. Menurut Stephen R.Covey (2004) dalam bukunya *The 8th Habit : From Effectiveness to Greatness* menyatakan bahawa alaf ini memasuki era The Age of Wisdom. Kata wisdom sering dikaitkan dengan Hikmah namun sebaliknya terdapat persamaan dan perbezaan pada kedua-duanya. Persamaan dan perbezaan adalah tertakluk kepada pemakaian. Namun hikmah dari sudut kerangka al-Quran sudah pasti berbeza dengan konsep wisdom menurut falsafah barat.

Pendidikan al-Hikmah adalah satu penjenamaan yang diilhamkan dari pesan-pesan bijaksana Luqman al-Hakim yang diungkap dalam ayat 12-19 surah luqman. Gagasan pendidikan al-Hikmah ini telah diperkenalkan sekitar tahun 2000 dimana ianya adalah satu gagasan pendidikan alternatif menekankan aspek pembentukan generasi muda berwatak, bercirikan sistem nilai dan berkeupayaan berfikir aras tinggi. Idea dan gagasan ini telah diterjemahkan dalam satu pembentangan kertas kerja yang bentangkan oleh Prof. Dr Siddiq Fadzil pada 11-12 Februari 2017 yang dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan al-Hikmah. Gagasan Idea ini adalah berpaksikan objektif Pendidikan al-Hikmah berorientasikan maqasidi dalam pengertian memenuhi ciri *maqasid al-tarbawi* (Siddiq Fadhil,2018). Maqasid al-tarbawi terangkum dalam ayat surah *al-Jumaah* :

*“ Dialah yang mengutuskan seorang Rasul kepada kaum yang buta huruf dari kalangan mereka sendiri yang membacakan kepada mereka ayat-ayatnya, menyucikan jiwa mereka dan mengajarkan mereka kitab dan hikmah (sunnah) meskipun sebelumnya mereka benar-benar dalam kesesatan yang nyata”*

(al-Jumu'ah : 2)

Berdasarkan kepada ayat diatas jelas menunjukkan bahawa maqasid pendidikan kenabian adalah 3T: Tilawah, Tazkiyah dan Ta'lim. Inilah gagasan besar yang cuba dibawa oleh Nabi SAW yang mana proses inilah yang menjadi teras kepada kejayaan sistem pendidikan berdasarkan kepada nilai-nilai Islam.



**Gambarajah 3:** Maqasid Pendidikan Profetis : Sumber Buku panduan Pelaksanaan Pendidikan al-Hikmah

### **Pendidikan Model Luqman al-Hakim membentuk karakter**

Pendidikan model Luqman al-Hakim adalah sebuah kisah al-Quran yang amat unik dan terhebat membicarakan bagaimana proses pendidikan yang dilakukan oleh seorang bapa

kepada anaknya. Pendidikan yang dijelaskan oleh Allah dalam al-Quran ini begitu mendalam bagaimana proses pendidikan kemanusiaan dalam membentuk akhlak, jatidiri, pemikiran dan membentuk tasawwur dalam kehidupan. Jika diteliti dalam Al-Quran dalam surah Luqman bermaksud :


*“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: “Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar. Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu-bapaknya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapihnya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepada-Ku dan kepada dua orang ibu bapakmu, hanya kepada-Kulah kembalimu. Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepada-Ku, kemudian hanya kepada-Kulah kembalimu, maka Kuberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan. (Luqman berkata): "Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, niscaya Allah akan mendatangkannya (membalasinya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui. Hai anakku, dirikanlah shalat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah). Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (karena sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri. Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai.*

(Surah Luqman : 12-19)

Luqman al-Hakim bukan sahaja seorang bapa dalam konteks sebuah keluarga namun beliau menggariskan pendidikan qurani yang membentuk sahsiah dan akhlak anak secara holistik. Berdasarkan ayat di atas Allah SWT telah menggariskan ciri-ciri pembentukan pendidikan membentuk karakter anak dalam konteks pendidikan Islam. Kependidikan yang dibentuk merangkumi beberapa aspek latihan, seruan dan ia terangkum dalam beberapa aspek kependidikan termasuk pendidik aqidah, pendidikan akhlak, pendidikan Ibadah dan pendidikan Sosial. Kesepaduan proses pendidikan yang besar ini telah menunjukkan proses pendidikan model luqman al-hakim adalah pembentukan sahsiah yang mencakupi pembinaan akal, jasmani dan ruhani anak-anak yang membawa kepada kesejahteraan.

## Model pelaksanaan pendidikan al-Hikmah

Pendidikan al-Hikmah adalah suatu penjenamaan yang mengangkat tema pendidikan teras Quraniy. Ia didasarkan kepada penekanan model yang merangkumi aspek falsafah, sasaran, kurikulum dan ko-kurikulum. Sebuah dasar dan gagasan besar dalam kontek pendidikan al-hikmah mencakupi semua aspek yang ditangani kerana ianya amat berkait soal penekanan pentarbiyah yang holistik dan syumul. Unsur Tarbiyyah, *ta'lim*, *ta'dib* dan *tasyriq* adalah pendekatan yang digerakkan dalam menjayakan model pendidikan al-Hikmah.



**Gambarajah 1:** Model Pelaksanaan Pendidikan al-Hikmah

Berdasarkan model diatas ternyata bahawa Pendidikan al-Hikmah merupakan sebuah gagasan yang menekankan aspek pendidikan menyeluruh, model yang mengaitkan tentang peranan dalam membangunkan pendidikan yang berteraskan pembentukan sahsiah diri dan keluarga serta masyarakat. Berteraskan kepada sistem yang holistik, pendidikan bermodelkan al-hikmah ini memanfaatkan ruang dan pendekatan pendidikan melalui pesan pendidikan Islam berteraskan al-Quran..

### Nilai-nilai dalam Falsafah Pendidikan al-Hikmah

Menjadi satu keperluan untuk menilai sejauhmanakah kekuatan yang dimainkan dalam mengenengahkan Pendidikan al-Hikmah ini adalah kekuatan nilai yang diangkat dalam memastikan falsafah ini mampu menjadi role model dalam pendidikan Islam. Antara nilai-nilai yang diketengah adalah :

- a) Nilai Hikmah
- b) Sekolah Ummatik
- c) Kemahiran Insan
- d) Pelajaran Bermakna Pak21

(Sumber: Buku panduan Pelaksanaan Pendidikan al-Hikmah:2018)

#### a) Nilai Hikmah

Antara nilai utama penting yang disandarkan dalam Pendidikan al-Hikmah adalah Nilai Hikmah. Hikmah dalam sejarah kesarjanaan Islam sememangnya didasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Muhammad al-Ghazali mentakrifkan hikmah sebagai “*kekuatan akliah yang menerima ilmu dari alam tinggi disampai ia juga akal tinggi yang*

*membezakan antara kebaikan dan keburukan”* (Mizan al-Amal: 265). Pendidikan yang berpaksikan kepada hikmah adalah mereka yang mempunyai nilai Hakim (penerima kurnia hikmah) yang menjadikannya bertindak secara tepat dan syumul dan melakukan sesuatu pada tempatnya (al-Kayyali : 2011)

## **b) Sekolah Ummatik**

Nilai kedua yang menjadi asas sekolah Al-Hikmah adalah pembentukan sekolah yang mempunyai ciri-ciri ummatik. Ciri ummatik bermaksud sistem dan persekitaran persekolahan adalah membentuk diri dan jiwa pelajar yang memahami dan mengetahui sejarah dan perkembangan semasa pendidikan bermula daripada sejarah sekolah sehinggalah sejarah negara. Selain daripada pendidikan menyampaikan maklumat ilmu pendidikan, menjadi tanggungjawab para guru menanamkan nilai dan kefahaman terhadap perjuangan pendidikan dalam mengangkat martabat insan. Pelajar mendapat maklumat tepat dan menyeluruh tentang perjuangan pendidikan dan mereka adalah sebahagian daripada sejarah dan perkembangan untuk mencapai kecemerlangan. Inilah nilai ummatik yang ditanam dalam jiwa pelajar.

Hasrat membentuk pelajar ummatik adalah selaras dengan nilai *Iqra'* (baca) yang diturunkan oleh Allah SWT dengan mendidik manusia membaca. Pembacaan dalam ertikata yang lebih jelas adalah melihat dengan ilmu dan mengambil ibrah ilmu dalam kehidupan. Firman Allah SWT:

*“Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.”*

(al-Alaq: 1-5)

## **c) Kemahiran Insan**

Salah satu kekuatan yang boleh dibanggakan sebagai sebuah sekolah dalam sistem pendidikan adalah melahirkan pelajar yang berilmu dan berkemahiran. Kekuatan Ilmu tidak mungkin dapat diterjemah tanpa kemahiran yang menyeluruh. Dalam sistem pendidikan al-hikmah, nilai kemahiran atau *skills* adalah sangat penting kerana ilmu tidak akan dapat digerakkan tanpa keupayaan dalam menterjemah dalam bentuk tindakan dan menghasilkan manfaat dalaman dan luaran. Antara kemahiran yang penting dalam membentuk nilai pelajar adalah seperti berikut, antaranya kemahiran komunikasi, pengurusan, pemudahcara, mempengaruhi, psikologi, tumpuan dan menerima maklum balas : (Fadhilah Mansor & T.Sarina : 2008)

Begitu juga dalam memastikan keberkesanan falsafah dapat dibumikan terdapat beberapa karekter al-hikmah yang dibentuk :

- a) Budaya Quran
- b) Ummatik
- c) Adab dan Bakti
- d) Berilmu
- e) Kepimpinan
- f) Harakiy



g) Istiqamah dan Iltizam

h) Budi

i) Lestari

(Sumber: Buku panduan Pelaksanaan Pendidikan al-Hikmah:2018)

Berdasarkan kepada nilai karekter al-hikmah yang digariskan di atas menunjukkan betapa pendidikan adalah suatu proses pembentukan watak dan sikap seseorang yang dapat membangunkan minda, gaya berfikir serta pembangunan akhlak dan etika dalam setiap perilaku seharian.

### **Pendidikan Karekter**

Pendidikan karekter telah banyak dibicarakan sejak awal tahun 1990 lagi terutama di dunia Barat. Thomas Lickona seorang Sarjana Pendidikan Barat membicarakan tentang *The Return of Character Education* tentang kepentingan konsep pendidikan karekter dalam pendidikan sepenuhnya. Begitu juga Frank G.Goble (1916) menyatakan bahawa menjadi lumrah dalam teori pendidikan baawa pembentukan watak merupakan tujuan umum pengajaran dan pendidikan budi di sekolah. Menurut Majid dan Andayani (2012) bahawa pendidikan karakter mengandungi 3 unsur iaitu mengetahui kebaikan, mencintai kebaikan, dan melakukan kebaikan. Pendidikan karekter berasal daripada istilah dan bahasa latin *kharakter*, *kharassein*, *kharaz* dalam bahasa Inggeris character. Menurut Thomas Lickona (1991) pendidikan kateter adalah pendidikan membentuk keperibadian melalui budi pekerti yang hasilnya terlihat dalam tindakan seseorang iaitu tingkahlaku baik dan jujur, bertanggungjawab, menghormati hak orang lain, bekerja keras dan sebagainya.

Secara terminologis, makna karakter dikemukakan oleh Thomas Lickona. Menurutnya karakter adalah :

*“A reliable inner disposition to respond to situations in a morally good way.”*  
Selanjutnya Lickona menambahkan, *“Character so conceived has three interrelated parts: moral knowing, moral feeling, and moral behavior”*  
(Lickona, 1991: 51).

Menurut Lickona, karakter mulia (good character ) meliputi pengetahuan tentang kebaikan (moral knowing), lalu menimbulkan komitmen (niat) terhadap kebaikan (moral feeling), dan akhirnya benar-benar melakukan kebaikan (moral behaviour). Dengan kata lain, karakter mengacu kepada serangkaian pengetahuan (cognitives), sikap (attitudes), dan motivasi (motivations), serta perilaku (behaviors) dan keterampilan (skills).

Frye mendefinisikan pendidikan karakter sebagai,

*“A national movement creating schools that foster ethical, responsible, and caring young people by modeling and teaching good character through an emphasis on universal values that we all share”* (Frye, 2002: 2).

Jadi, pendidikan karakter harus menjadi gerakan nasional yang menjadikan sekolah sebagai agen untuk membangun karakter melalui pembelajaran dan pemodelan.

Melalui pendidikan karakter, ia harus berpotensi untuk memiliki nilai-nilai karakter mulia seperti hormat dan peduli pada orang lain, tanggung jawab, memiliki integriti, dan disiplin. Di sisi lain pendidikan karakter juga harus mampu menjauhkan peserta daripada sikap dan perilaku yang tercela dan dilarang.

### **Pendidikan Karakter Menurut Islam**

Dalam konteks Islam, pendidikan karakter telah bermula sejak daripada penurunan al-Quran al-karim. Pendidikan kenabian yang menekankan aspek akhlak adalah merupakan manifestasi pendidikan karakter yang tinggi. Akhlak adalah menjadi tema besar dalam pemikiran tokoh-tokoh pendidikan dalam Islam. Kitab *Ta'lim al Mutaa'lim Tariq al-Ta'alum* karya al-Zarnuji adalah merupakan kitab besar yang membicarakan pendidikan dari aspek akhlak dan dijadikan rujukan meluas para sarjana.

Istilah karakter umumnya dikaitkan dengan akhlak atau moral menurut Islam. Menurut Abd Hami al-Ghazali akhlak sebagai contoh datangnya dari kalimah *khuluq* yang mana ianya terkait dengan elemen kerohanian dan ianya diterjemah dengan tindakan dan perbuatan. Sifat jiwa sebenarnya tertanam dalam sifat atau watak/karakter. Tingkah laku dan tindakan yang muncul meningkat secara automatik, dengan serta-merta, tanpa pemikiran dan kontemplasi. Sekiranya tingkah laku / tindakan itu baik, ia mencerminkan sifat / watak orang yang baik, dan sebaliknya perbuatan / kelakuan buruk yang seolah-olah, sebenarnya ia adalah cerminan watak yang buruk. Kelakuan / tindakan yang muncul adalah kadang-kadang dipanggil sebagai moral.

Akhlak, menurut Ibn Miskawayh dan Ghazali, adalah watak yang kelihatannya bertindak segera (secara spontan) tanpa memerlukan pertimbangan dan pemikiran. Itulah yang baik perbuatan yang berlaku secara spontan mencerminkan sifat seseorang yang lebih baik. Sebaliknya, buruk perbuatan juga mencerminkan watak miskin yang ada dalam diri orang itu. (Sukardi: 2016)

### **Kesimpulan**

Pendidikan al-Hikmah adalah sebagai salah satu daripada gagasan yang penting menjadi sumber rujukan dan panduan dalam membantu membangunkan kefahaman dalam membentuk keperibadian insan yang cemerlang. Kecemerlangan pendidikan atas penting hasil daripada gabungan kefahaman dalam bentuk pemikiran dan akhirnya menghasilkan tindakan dan watak manusia yang memberi manfaat dan kebaikan kepada insan yang lain. Sikap dan moral dalam kontek perhubungan sesama insan adalah manifestasi kejayaan pendidikan yang digariskan dalam pendidikan yang dicontohkan oleh Luqman al-hakim dimana pendidikan dan pembelajaran harus digembeling antara pembentukan minda dan akhlak secara seimbang. Gagasan pendidikan al-hikmah ini juga adalah suatu jenama yang penting bagi mengungkapkan terjemahan pembentukan karakter insan yang berpaksikan tauhid dan islam.

Oleh yang demikian, dalam memastikan falsafah pendidikan al-hikmah dapat dilaksanakan dan memberi kesan kepada kejayaan pendidikan sebenar maka perlu usaha bersungguh-sungguh mengembalikan pendidikan yang berpaksikan kepada pembinaan akhlak/karakter diperluas. Sebagaimana yang dijelaskan di atas bahawa

kejayaan sesebuah negara adalah apabila masyarakat mendapat pendidikan yang sebenarnya dan hasilnya melahirkan masyarakat yang berkualiti dan memiliki jatidiri.

Akhirnya pembelajaran adalah sangat penting menerap nilai-nilai pembentukan karakter melalui pembelajaran-pengajaran yang berteraskan Falsafah Pendidikan al-Hikmah iaitu membentuk pelajar yang berkembang minda, jiwa dan akal serta mampu menjadi role model kepada generasi akan datang. Oleh sebab itu pendidik dalam medium pendidikan juga harus berani melakukan transformasi pendidikan daripada proses *transfer information* kepada pembentukan karakter yang lebih holistik dan cemerlang.

## Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1991). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim el-Muhammadi. (1986). Peranan guru dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam Tahun*, 1 (Bil. 4).
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan pembangunan modal insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- David Elkind & Freddy Sweet Ph.D. (2004). "How to do character education". [http://www.goodcharacter.com/article\\_4.html](http://www.goodcharacter.com/article_4.html), 2004
- Hassan Langgulun. (1991). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marvin W. Berkowitz. (Jan, 2017). The centrality of character education for creating and sustaining a just world. *EarthEd*. 83-94. [https://doi.org/10.5822/978-1-61091-843-5\\_7](https://doi.org/10.5822/978-1-61091-843-5_7)
- (2016). *Buku garis panduan MPU* (Edisi Kedua). Kementerian Pendidikan Tinggi: Jabatan Pendidikan Tinggi.
- Fadhilah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2008). Pembangunan modal insan dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, 3 (1). 85-109. Retrived from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/7871>
- Frye, Mike at all. (Ed.). (2002). *Character education: Informational handbook and guide for support and implementation of the student citizen act of 2001*. North Carolina: Public Schools of North Carolina.
- Lickona, Thomas. (1991). *Educating for character: How our school can teach respect and responsibility*. New York, Toronto, London, Sydney, Aucland: Bantam books.
- Ng Ming Yip , Iswandi Harahap Bin Burhanuddin (2017). Matapelajaran UMUM peneraju transformasi pendidikan holistik, *National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017)* (pp, 149-155). <http://conference.kuis.edu.my/npreus/2017/document/17-Ng%20Ming%20Yip.pdf>
- Hairol Anuar Hj Mak Din & et.all (2014). Kemunasabahan pusat pengajian teras dalam merealisasikan jihad pendidikan. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 1, 29-40
- Idris Zakaria & Ahmad Sunawary Long (2013). Titik temu antara falsafah dan kehidupan praktis. *International Journal of Islamic Thought*, 3, 37-44. <http://doi.org/10.24035/ijit.3.2013.003>
- Syihab al-Din Said Mahmud al-Alusi al-Baghdadi. (2001). *Ruh al Maani fi tafsir al-Quran al-Azim wa al-Sab'al Mathani*, Bairut Dar al-kutub al-ilmiah Ibn Asyur, t.th , al-Tahrir wa al-tanwir, Bairut Dar a;-Fikr
- Saharia hj Ismail. (2015). Pembangunan insan dalam falsafsah pendidikan kebangsaan. *Ta'dib: Journal of Human Capital Development*. 8(2). 83-99.
- Sukardi. (2016). Character education based on religious values: An Islamic Perspective. *Journal of Islamic Education* 21(1), 41-58. <https://doi.org/https://doi.org/10.19109/td.v21i1.744>
- Titus, H. H. (1959). *Living issues in philosophy: introductory text book*. New York: New ork Pub.

- Wan Mohd Tarmizi & Munirah Mutaffa. (2014). Pelaksanaan kursus pengajian umum berteraskan pendidikan Islam dalam pembinaan modal insan: Pengalaman - Politeknik, *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)*
- Yayasan Takmir Pendidikan. (2018). *Buku panduan pelaksanaan pendidikan al-Hikmah*. YTP Sdn Bhd, Bangi Selangor.
- Zain al-Din Abi al-Faraj Ibn Rajab al-Hanbali, *Fath al-Bari bi Syarh al-Bukhari*. Madinah Maktabah al-Ghuraba'.
- Zakaria Sapa & Noranizah Yusof& Abd Fatah Yusof. (2012) Pendidikan menurut Al-Quran dan sunnah serta peranannya dalam memperkasa tamadun. *Jurnal Hadhari*, 7-22, [http://journalarticle.ukm.my/6094/1/JD005862\\_7-22.pdf](http://journalarticle.ukm.my/6094/1/JD005862_7-22.pdf)